

**MSWG**

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia \* Company No. 524898-M

# The Observer

26 February 2016

## KEMAS KINI MAKLUMAT PASARAN DAN KAWAL SELIA

### ***KWSP UMUMKAN DIVIDEN 6.40 PERATUS BAGI TAHUN 2015***

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dengan kelulusan Kementerian Kewangan pada 20 Februari 2016, telah mengisytiharkan kadar dividen sebanyak 6.40 peratus bagi tahun 2015, dengan jumlah pembayaran sebanyak RM38.24 bilion. Jumlah pembayaran yang diperlukan untuk setiap satu (1) peratus kadar dividen bagi tahun 2015 adalah RM5.98 bilion; 10.13 peratus lebih tinggi berbanding RM5.43 bilion pada tahun 2014.

KWSP mencatatkan pendapatan kasar sebanyak RM44.23 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015, yang mencatatkan peningkatan sebanyak 13.18 peratus berbanding RM39.08 bilion pada tahun 2014.

#### **KOMEN MSWG:**

Kadar yang diisytiharkan mengikut mana-mana standard adalah sesuatu yang boleh dibanggakan memandangkan rejim kadar faedah yang rendah walaupun ia lebih rendah daripada tahun sebelumnya. Kami berharap KWSP mampu mengekalkan kadar ini pada masa akan datang.

*[Sumber: Kenyataan akhbar di laman web KWSP pada 20 Februari 2016]*

## PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

### ***IJM CORPORATION BERHAD (“IJM”) / SCOMI GROUP BERHAD (“SCOMI”)***

Seperti yang dilaporkan dalam media dan pengumuman yang dikeluarkan baru-baru ini, IJM akan muncul sebagai pemegang saham tunggal terbesar Scomi dengan kira-kira 24.59% kepentingan melalui RM110 juta bon boleh tukar boleh diperbaharui yang dikeluarkan pada harga pertukaran RM0.365 sesaham.

*[Sumber: Pengumuman Scomi di laman web Bursa Malaysia pada 18 Februari 2016]*

#### **KOMEN MSWG:**

Kami mengambil perhatian bahawa IJM telah menukarkan pegangan bon 3 tahun miliknya dengan nilai terkumpul berjumlah RM127,338,750 kepada saham Scomi pada harga pertukaran RM0.365 sesaham, iaitu dengan premium sebanyak 143.3% kepada harga pasaran Scomi iaitu RM0.15. Oleh itu, kami melihat harga saham Scomi melonjak sehingga 40% kepada RM0.21 selepas pengumuman penyenaaran saham baru yang diterbitkan untuk tujuan pertukaran.

Walau bagaimanapun, keuntungan kepada Scomi boleh menyebabkan kerugian kepada IJM, kerana pelaburan IJM ke dalam Scomi mungkin terlalu tinggi, memandangkan prospek suram dalam sektor minyak dan gas memberi kesan kepada perniagaan Scomi, sekurang-kurangnya buat masa ini.

## SENARAI PEMANTAUAN MSWG

### **BOUSTEAD HOLDINGS BERHAD (“BHB”)**

Selepas penilaian lanjut Lembaga Pengarah BHB terhadap keperluan aliran tunai Kumpulan BHB, Lembaga mencadangkan untuk melaksanakan Cadangan Terbitan Hak secara langganan minimum (“Asas Langganan Disemak Semula”). Demi mengelakkan keraguan, semua terma lain di bawah Cadangan seperti yang diumumkan pada 18 Januari 2016 kekal tidak berubah.

*[Sumber: Pengumuman BHB di laman web Bursa Malaysia pada 19 Februari 2016]*

## BERITA DAN PERKEMBANGAN DALAM NEGARA

EPF declares dividend rate of 6.4 pc for ‘15

<http://www.themalaymailonline.com/malaysia/article/epf-declares-dividend-of-6.4pc-dividend-for-15>

Malaysian economy grew by 5 per cent last year, says Bank Negara

<http://www.nst.com.my/news/2016/02/128151/malaysian-economy-grew-5-cent-last-year-says-bank-negara>

Java's auditor says unable to give opinion on FY15 financial accounts

<http://www.theedgemarkets.com/my/article/javas-auditor-says-unable-give-opinion-fy15-financial-accounts?type=Corporate>

IJM Corp converts Scomi Group's bonds at a loss

[http://www.ijm.com/web/newsroom/what\\_160219\\_ed.html](http://www.ijm.com/web/newsroom/what_160219_ed.html)

## BERITA DAN PERKEMBANGAN GLOBAL

OECD cuts 2016 growth forecast to 3%

<http://www.businesstimes.com.sg/government-economy/oecd-cuts-2016-growth-forecast-to-3>

Indonesia central bank cuts key rate by 25 bps to 7.00 pct

<http://www.cnbc.com/2016/02/18/indonesia-central-bank-cuts-key-rate-by-25-bps-to-700-pct.html>

Bank of Thailand to cut rates if global conditions change, governor tells CNBC

<http://www.cnbc.com/2016/02/21/bank-of-thailand-to-cut-rate-if-needed-governor.html>

U.S. overtakes France to become Germany's top trading partner

<http://www.reuters.com/article/us-germany-economy-exports-usa-idUSKCN0VT0E8>

China dismisses top market regulator

<http://www.ft.com/intl/cms/s/0/82d10b06-d781-11e5-969e-9d801cf5e15b.html>

Argentina Debt Injunction to Be Lifted in Blow to Hedge Funds

<http://www.bloomberg.com/news/articles/2016-02-19/argentina-bonds-judge-says-he-will-lift-injunctions-on-debt-iku9ykz3>

# Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, [lyarahman@mswg.org.my](mailto:lyarahman@mswg.org.my)  
Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat [rebecca.yap@mswg.org.my](mailto:rebecca.yap@mswg.org.my)  
Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat [banaik.quah@mswg.org.my](mailto:banaik.quah@mswg.org.my)  
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat [norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my)  
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat [cheemeng@mswg.org.my](mailto:cheemeng@mswg.org.my)  
Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat, [kinwing@mswg.org.my](mailto:kinwing@mswg.org.my)  
Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat [linnert.hoo@mswg.org.my](mailto:linnert.hoo@mswg.org.my)  
Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat [khalidah@mswg.org.my](mailto:khalidah@mswg.org.my)  
Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat [vinodth.ram@mswg.org.my](mailto:vinodth.ram@mswg.org.my)

## **PENZAHIRAN KEPENTINGAN**

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*

## Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke [mswg.ceo@mswg.org.my](mailto:mswg.ceo@mswg.org.my).

## **PENOLAKAN TUNTUTAN**

*Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).*

*Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*

*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*